

UiTM Puncak Alam dilanda banjir kilat

SHAH ALAM 13 Dis. - Hujan lebat kira-kira tiga jam pada pukul 2 hingga 5 petang menyebabkan beberapa tempat termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dinaiki air sehingga menyebabkan kawasan di tempat itu banjir.

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat UiTM dalam kenyataannya berkata, keadaan banjir itu berlaku pada pukul 2 petang dan berlarutan sebelum surut sepenuhnya kira-kira pukul 5 petang.

“Kejadian tersebut dipercayai berlaku kerana hujan yang terlalu lebat dan menyebabkan saluran air

tidak dapat menampung lalu menyebabkan banjir.

“Dalam kejadian itu, tiada kemalangan jiwa atau harta benda dilaporkan berlaku,” kata kenyataan itu di sini.

Sementara itu, Rektor Kampus Selangor, Prof.Dr. Zaini Abdullah turut meninjau keadaan kampus UiTM Puncak Alam bersama Polis Bantuan UiTM bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diingini berlaku.

Dalam pada itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul memaklumkan pada pukul 5.05 petang, beberapa tempat lain

seperti Batu 3, Jalan Kapar turut dinaiki air disebabkan kerja-kerja pembinaan di kawasan berhampiran.

Katanya, dalam kejadian kira-kira pukul 4.27 petang di Kampung Bukit Cherakah pula, paras air berada pada paras pinggang dan kerja-kerja membawa empat orang mangsa ke tempat selamat dijalankan.

“Antara kawasan lain yang terjejas termasuklah Kampung Kubu Gajah dan Saujana Utama, Sungai Buloh, Kampung Sri Aman, Puchong dan Taman Bukit Kemuning. Namun, tiada penduduk di kawasan tersebut dipindahkan,” katanya.



HUJAN lebat kira-kira tiga jam menyebabkan banjir kilat melanda Taman Seri Alam, Saujana Utama, Shah Alam, Selangor semalam.